

FENOMENOLOGI NASIONALISME DI DALAM PENUBUHAN ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA DI ISTANA BUDAYA

Bahizal Abu Bakar

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim,
Perak

Abstrak: The Malaysian Traditional Orchestra (OTM), formed in 2008, combines the music of the different cultural groups of Malaysia including the Malays, Chinese, Indians, Orang Asli and the indigenous groups from Sabah and Sarawak. The Malaysian Traditional Orchestra was established as a strategy to spearhead and motivate the creation of new ‘Malaysian’ traditional music. This traditional music is hoped to foster a closer and positive bond among the different cultural groups in Malaysia. The combination of different traditional musical instruments and musical characteristics in OTM compositions has led to new creative works coined ‘invented tradition’ by Hobsbawm and Ranger [2]. The objective of this research paper is to examine the strategies used to inculcate sentiments of nationalism including 1) structure and technique of the composition and 2) local elements in the music compositions rearranged to generate nationalistic sentiments. The research utilizes a qualitative approach whereby interviews will be conducted with musicians, composers, practitioners, and administrators directly involved in the formation of this orchestra. The significance of the research is to study how music can develop nationalism as well as racial unity within their activity.

Kata Kunci: *Phenomenology, Invented Tradition, Malaysian Traditional Orchestra, Istana Budaya (National Theater of Malaysia), Nationalism*

PENGENALAN

Inspirasi menubuhkan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) pada Tahun 2008 adalah atas keperluan untuk mewujudkan satu platform bagi membangkitkan semangat nasionalisme dikalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum melalui muzik tradisional. Orkestra Tradisional Malaysia melambangkan identiti masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dari aspek keseniannya, di samping itu juga cuba mengekalkan fungsi dan identiti muzik sebagai warisan kesenian tempatan. Sepanjang tahun 2008 memperlihatkan Orkestra ini telah berjaya mengadakan beberapa persembahan seperti di Esplanade Singapura di dalam Titian Budaya Singapura, konsert bersempena hari seniman yang pertama di PWTC dan konsert sempena mesyuarat ahli parlimen Komanwel 2008. Walaupun konsert ini hanya bersifat hiburan, namun telah membuka mata banyak pihak tentang kewujudan dan potensi yang ada dengan orkestra ini. Pada waktu itu kewujudan orkestra ini dipercayai boleh membantu kerajaan dalam mempromosikan hubungan yang baik dan harmoni di antara rakyat berbilang bangsa

di Malaysia. Keperluan untuk menerapkan nasionalisme di kalangan rakyat negara ini yang berbilang kaum melalui seni dan budaya menjadikan idea penubuhan OTM relevan pada waktu itu. Terutama apabila melihatkan penglibatan pelbagai alat muzik tradisional dan ahli muzik yang berbilang bangsa di Malaysia.

Gabungan alatan muzik muzik tradisional daripada berbagai latarbelakang yang berbeza ini telah memulakan satu konsep baru muzik atau konsep “invented tradition”, yang diperkenalkan oleh Hobsbawm and Ranger [2]. Seterusnya telah menjadi satu landasan kepada perubahan tradisi alatan muzik itu sendiri. Menurut Hobsbawm and Ranger [2], fenomena ini dapat dilihat di negara yang mahu memupuk nasionalisme dan pembentukan identiti kebangsaan dengan mempromosi kesatuan melalui amalan kebudayaan. Di dalam kajian ini perbincangan lebih menjurus kepada aspek kefahaman berkaitan tradisi serta kaitannya dengan penciptaan sesuatu muzik dan gabungan alatan muzik yang baharu di dalam OTM. Seterusnya melihat secara lebih mendalam mengenai fenomena nasionalisme semasa penubuhan OTM.

Corresponding Author: Bahizal Abu Bakar, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak/

Selain daripada pemilihan alatan muzik yang bersesuaian untuk digabungkan di dalam sebuah orkestra, persoalan lain yang timbul daripada penubuhan orkestra ini adalah bagaimana orkestra ini boleh menjayakan tujuan untuk membangkitkan semangat nasionalisme di antara ahli-ahlinya. Sebagaimana yang dinyatakan Benedict Anderson melalui “Imagine Community”, sesuatu komuniti terbina melalui perkongsian pengalaman, nilai budaya dan kepercayaan. Ini boleh dilihat melalui muzik, yang mana dipercayai boleh menentukan identiti sesuatu kelompok manusia dan juga boleh menyatu-padukan sesuatu komuniti [3]. Bagaimanapun dari sudut konteks penubuhan OTM, fenomena nasionalisme ini perlu di lihat secara saintifik, mendalam dan dibincangkan.

Apabila memperkatakan hal yang berkaitan dengan muzik tradisional, secara umumnya sering dikaitkan dengan tradisi lama atau budaya yang diwarisi di sesuatu negara. Bagaimanapun melalui buku “The Invention of Tradition” oleh Hobsbawm dan Rangers [2], telah mencadangkan bahawa tradisi juga pada asalnya merupakan satu bentuk ciptaan baharu yang kemudiannya diwarisi dan akhirnya menjadi tradisi. Contoh yang diberikan seperti tradisi “kilts” di Tanah tinggi Scotland yang sebenarnya merupakan ciptaan seorang rakyat British pada tahun 1730. Selain itu juga fenomena tradisi yang dicipta ini juga dilihat di zaman “Victorian India”, “Kolonial Afrika” dan tradisi yang dicipta di Eropah dari tahun 1870 hingga 1914.

Bersesuaian dengan apa yang telah dicadangkan oleh Hobsbawm dan Rangers [2] mengenai tradisi yang dicipta “invented tradition”, Idea pemilihan alat muzik dalam OTM bersandarkan kepada suatu penciptaan gabungan alatan muzik tradisional dalam sebuah orkestra yang baharu dan belum pernah dilakukan sebelum itu. Pemilihan alatan muzik tradisional di dalam OTM ini juga turut mengambil kira struktur masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Pendekatan yang dipilih adalah dengan menggunakan alat muzik tradisional dari setiap kaum utama di Malaysia. Orkestra ini dikategorikan kepada beberapa kumpulan iaitu bertali digesek (Rebab, erhu, zhong hu, gaohu, cello dan double bass), bertali dipetik (gambus, sape, zhong ruan, sitar, pipa dan yangqin), tiupan (seperti seruling bambu, dizi, serunai, bansuri, souna dan sebagainya), Gonggan (Gamelan, Caklempong, Kulintangan dsb), perkusi (seperti kompang, mawas) dan bahagian ritma yang terdiri daripada kibod, drum, bass elektrik dan gitar akustik.

Bagaimanapun pengkategorian alatan muzik ini tidak pernah melalui satu proses kajian dan

perbandingan untuk mencari kesesuaian dari segi gabungan bunyi yang dihasilkan. Teknik gubahan dan teori muzik yang digunakan dalam karya pula hanya menggunakan teori muzik sedia ada, sama ada teori muzik moden atau klasikal barat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Ghouse [4] budaya muzik Malaysia amat dipengaruhi oleh unsur-unsur dari luar terutama dari budaya India, Islam dan Arab serta kemudiannya dari Barat. Oleh itu berdasarkan kefahaman tersebut mengikut perancangan awalnya tidak mustahil idea yang ingin diutarakan melalui OTM boleh direalisasikan. Sejak Orkestra Tradisional Malaysia ditubuhkan, En. Mohd Yazid Zakaria selaku konduktor Orkestra Tradisional Malaysia pertama, beliau telah pun mula mengumpul beberapa pemuzik tradisional sedia ada yang boleh membaca notasi barat untuk diserapkan ke dalam Orkestra ini. Kini, Orkestra Tradisional Malaysia terdiri daripada 60 ahli secara tetap dan sementara yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan pengalaman dalam bermain alat muzik tertentu.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penubuhan Orkestra Tradisional Malaysia merupakan sebuah perancangan strategik bagi merangsang aspek pembangunan muzik tradisional Malaysia. Di samping itu juga dapat menggalakkan hubungan yang lebih positif dikalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum melalui muzik tradisional. Malaysia kaya dengan khazanah muzik yang berbagai bentuk dan asal usulnya. Cuma yang menjadi kekurangan dan cabaran adalah kaedah sesuai bagi menyelaras dan menyatukan kesemua alat muzik ini di dalam sebuah kumpulan muzik atau orkestra. Idea penubuhan Orkestra ini tercetus apabila penyelidik dihantar ke Seoul Korea pada April 2007 selama 6 bulan bagi membuat pemerhatian terhadap kaedah yang telah dilaksanakan oleh National Orchestra of Korea (Orkestra yang menggunakan alat muzik tradisional Korea) dalam membangunkan alat muzik tradisional mereka dalam sebuah orkestra.

Sekembalinya dari Korea, penyelidik telah mengemukakan satu laporan dan kertas cadangan bagi tujuan untuk menubuhkan sebuah orkestra yang menggabungkan alatan muzik tradisional yang dirasakan bersesuaian dalam sebuah orkestra tradisional di Malaysia. Seterusnya satu perjumpaan bersama karyawan tradisional tempatan telah dilakukan bagi membincangkan idea tersebut termasuk langkah-langkah yang perlu diambil. Semasa perbincangan itu, semua ahli bersetuju untuk mengadaptasi sistem yang digunakan di China, Mongolia dan Korea yang telah pun mempunyai orkestra tradisional sejak sekian lama. Pada ketika itu En Ruslan Harun seorang pemuzik di istana Budaya telah berjaya mengemukakan prototaip

rebab moden (dipanggil Rebab OTM) yang mana rebab ini telah diubahsuai supaya boleh dimainkan bersama notasi muzik barat. Berikutnya satu kertas cadangan perancangan strategik Orkestra Tradisional Malaysia disediakan oleh penyelidik sendiri pada 24 November 2008 dengan tujuan untuk menubuhkan Orkestra Tradisional Malaysia termasuk langkah-langkah pembangunan jangka masa pendek dan sederhana. Manakala En. Mohd. Yazid Zakaria pula telah mula mengumpul beberapa penggubah muzik dan pemuzik tradisional sedia ada yang berpengetahuan dengan sistem notasi muzik barat untuk diserapkan ke dalam orkestra ini.

Sejak penubuhan, Orkestra Tradisional Malaysia telah mengadakan beberapa persembahan di dalam dan luar negara antaranya, Program Titian Budaya Malaysia Singapura, di Esplanade Singapura (Mei 2008), Majlis Ulang Tahun ke 50 Bank Negara dan Sempena Persidangan Gabenor-Gabenor Bank Dunia (Januari 2009), Rumah Terbuka Tahun Baru Cina (7 Feb 2009), Konsert Simfoni Rakyat Malaysia (2007) dan Konsert 100 (2004). Enam daripada ahli muzik Orkestra Tradisional Malaysia juga merupakan ahli gabungan Orkestra Tradisional ASEAN-KOREA (AKTO) yang telah mengadakan persembahan sulung pada Mei 2009 di Korea. Konduktor Orkestra Tradisional Malaysia pertama En. Mohd Yazid Zakaria merupakan salah seorang komposer dan konduktor yang terlibat di dalam AKTO. Orkestra Tradisional Malaysia kini dianggotai seramai 60 orang ahli pada satu-satu masa tetapi boleh dikembangkan hingga 86 orang ahli muzik. Ahli Orkestra Tradisional Malaysia terdiri daripada ahli muzik yang memiliki kemahiran, kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang muzik berkaitan.

PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Menurut Wan Hashim [5], terdapat berbagai cara boleh dilakukan untuk mencapai integrasi nasional sama ada yang bersifat sementara dan direka-reka atau pun melalui cara yang lebih berkesan dan mampu kekal. Bagaimanapun dengan penggunaan alat muzik tradisional berbilang kaum digabungkan pula dengan penggunaan alat muzik moden dalam satu bentuk kesatuan sebuah orkestra pada ketika itu, telah memberi cabaran kepada karyawan untuk menghasilkan satu karya muzik yang boleh menyampaikan maksud dan tujuan nasionalisme pada masa yang sama mempunyai kualiti muzik bertaraf antarabangsa serta kreatif. Struktur alat muzik tradisional yang kompleks dan berasal dari latar belakang yang berbeza menjadikan usaha ini sukar. Menurut Mohd Ghouse [4], Alat muzik melayu tidak mempunyai piawai setepat skel tempo 12 separuh tone

(tempered scale of twelve semitone) seperti muzik barat. Muzik rantau Asia menggunakan dua jenis sistem senada (tonal system) iaitu skel heptatonic 7 ton dan skel pentatonic 5 ton. Muzik Melayu menggunakan variasi kedua-dua sistem ton ini. Muzik melayu juga mempunyai berbagai-bagai variasi sistem talaan (tuning) seperti rebab yang mempunyai sistem talaan yang berbeza mengikut tempat. Begitu juga nada (pitch) serunai juga berbeza dari kumpulan ke kumpulan kerana serunai dibentuk tanpa mengikut pengkhususan tertentu. Oleh itu perbincangan untuk membentuk satu keseragaman di antara alat muzik tradisional perlu dilakukan bagi memastikan bunyi dari gubahan muzik OTM dapat dihasilkan sebaik mungkin. Seterusnya usaha untuk menggalakkan nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia melalui muzik tradisional lebih berpotensi untuk berjaya.

Pada waktu itu struktur susunan alat muzik dalam OTM hanya dilakukan secara andaian dengan mengkategorikan alat muzik bertali digesek, dipetik, diketuk, ditiup dan alatan metal tanpa melalui kajian komprehensif mengenai hasil gabungan bunyi yang bakal dihasilkan. Tambahan pula alatan muzik moden yang sistem talaannya (tuning) bersifat "equal temperament" manakala kebanyakan alat muzik tradisional yang ada di Malaysia pula tidak mempunyai sistem talaan "tuning" yang standard menyebabkan karya gubahan muzik yang mahu dihasilkan berkemungkinan memerlukan satu sistem dan penggunaan cara dan teori gubahan muzik baharu supaya karya dapat dihasilkan pada tahap yang terbaik. Namun masih belum ada panduan khusus yang dapat digunakan oleh OTM. Kesesuaian gabungan alat muzik ini juga belum dilihat dari sudut silang budayanya dan kaitannya dengan nasionalisme.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisis elemen muzik tempatan yang digunakan bagi mengangkat idea nasionalisme di dalam gubahan muzik OTM.
- ii. Mengkaji repertoire lagu and muzik yang digubah atau dikomposisikan bagi memaparkan fenomena nationalism.
- iii. Menentukan strategi yang telah digunakan bagi merangsang nasionalisme melalui pilihan alatan muzik dan teknik gubahan muzik.
- iv. Mengenalpasti isu-isu yang timbul akibat daripada proses penyeragaman, penalaan dan sistem muzika yang muncul akibat daripada penubuhan OTM.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah elemen muzik tempatan yang digunakan bagi mengangkat idea nasionalisme di dalam gubahan muzik OTM?
- ii. Apakah repertoire lagu dan muzik yang digubah atau dikomposisikan bagi memaparkan fenomena nasionalisma?
- iii. Apakah strategi yang telah digunakan bagi merangsang nasionalisme melalui pilihan alatan muzik dan teknik gubahan muzik?
- iv. Apakah isu-isu yang timbul akibat daripada proses penyeragaman, penalaan dan sistem muzika yang muncul akibat daripada penubuhan OTM?

BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas di dalam lingkungan sebuah orkestra tradisional yang ditubuhkan di Istana Budaya dengan menggunakan alatan muzik tradisional berbilang kaum di Malaysia. Kajian ini ingin melihat keberkesanan penggunaan peralatan muzik tradisional sebagai medium untuk menggalakkan elemen nasionalisme di antara berbilang kaum di Malaysia.

KERANGKA KONSEPTUAL

Fenomena nasionalisme yang muncul melalui penubuhan OTM selari dengan apa yang diperkatakan oleh Anderson bahawa;

"is imagined because the members of even the smallest nation will never know most of their fellow-members, meet them, or even hear of them, yet in the minds of each lives the image of their communion" [1].

Imej sebuah orkestra berbilang bangsa yang membuat persembahan ini diimajinasikan dan digambarkan sebagai sebuah masyarakat yang harmoni. Cara ini secara psikologinya mungkin dapat mempengaruhi rakyat sesebuah negara untuk mempercayai bahawa mereka hidup di lingkungan rakyat yang bersatu padu. Anderson [1] juga menjelaskan bahawa dengan munculnya kapitalisme percetakan print capitalism iaitu teknologi komunikasi dan percetakan yang dibina oleh "imagine community" ini berkemungkinan kita sebenarnya bukanlah hidup dalam 'gambaran' yang sebenar seperti mana yang kita percayai tetapi hanya satu suasana yang dibentuk untuk kita percaya.

Persoalan yang dibangkitkan oleh Anderson adalah bagaimana sesuatu komuniti atau masyarakat dibentuk gambarannya supaya akhirnya tanpa sedar mempercayai bahawa mereka berada dalam satu

identiti nasional yang sama. Pada masa Anderson menyatakan teori ini, beliau menjelaskan bahawa dengan kewujudan media massa seperti seperti suratkhbar, setiap pembaca yang meneliti bacaan yang sama akan mengimajinasikan bahawa mereka juga dalam satu suasana dan dalam keadaan yang sama. Walaupun ketika ini kewujudan media sosial yang membenarkan individu juga boleh menyebarkan ideologi tertentu dan tidak lagi terikat kepada kuasa tertentu, namun teori ini masih relevan jika dilihat dari sudut sempadan maklumat yang masih berdasarkan geografi dan lingkungan masyarakat khusus dan terhad yang mengelilingi seseorang individu.

Penubuhan OTM berkemungkinan mempunyai kaitan dengan teori ini. Disebabkan oleh latarbelakang masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai bangsa dan asal keturunan yang berbeza serta turut membawa kesenian daripada tempat asalnya, identiti nasional yang cuba digambarkan melalui muzik unik yang dimainkan oleh OTM menggunakan alatan muzik yang turut ingin "dimajinasikan" sebagai satu bentuk nasionalisme kepada masyarakat negara ini. Penyelidikan ini akan cuba melihat dari sudut perspektif nasionalisma dan cuba menjelaskan secara mendalam dan terperinci berkenaan fenomena nasionalisme semasa penubuhan OTM dengan merujuk kepada teori Anderson ini. Hasil penyelidikan ini juga boleh menjurus kepada andaian bahawa muzik boleh dijadikan sebagai satu ekspresi untuk menjelaskan identiti sesuatu kelompok manusia.

Perbincangan mengenai pembaharuan yang dilakukan terhadap susunan dan cara permainan alatan muzik tradisional melalui OTM ini memerlukan kefahaman yang lebih mendalam terhadap apakah yang dimaksudkan dengan tradisi. Seterusnya apakah hubungan kait dan kesannya apabila sesuatu tradisi itu di ubah. Persoalan ini mempunyai perkaitan dengan teori "The Invention of Tradition" oleh Hobsbawm dan Rangers [2]. Yang mana teori ini telah mencadangkan bahawa tradisi yang biasanya diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya, mempunyai asal usul penciptanya sebagaimana beberapa contoh yang dibincangkan di dalam teori tersebut. Perbincangan turut mengambil kira teori ini bagi melihat kaitannya dengan fenomena nasionalisme dalam penubuhan OTM.

METODOLOGI

Kajian akan dilakukan menggunakan kajian kualitatif penerokaan yang mana terlebih dahulu soroton literature penulisan akademik mengenai isu-isu pasca-kolonialisme, pasca kemerdekaan dan pembinaan identiti negara yang unik serta analisis akan

dilakukan kepada skor gubahan lagu-lagu yang ditulis semasa pelancaran OTM bagi menentukan permasalahan yang ada dalam susunan struktur alatan muzik OTM dan juga gubahan muzik yang telah dihasilkan.

Langkah kedua pula ialah menjalankan kajian etnografi dengan melibatkan diri dalam aktiviti OTM. Pendekatan bimusicality and participant observation digunakan di mana penyelidik mendapatkan kefahaman mengenai semua proses muzikal dengan turut serta secara langsung dalam permainan dan gubahan muzik itu sendiri. Penyelidik juga turut sama sebagai pemerhati dalam aktiviti pengurusan dan persembahan OTM daripada proses perancangan organisasi, perancangan konsert tahunan termasuk juga proses perancangan persembahan sehingga ke aktiviti latihan dan persembahan. Semasa proses ini berlangsung, pemerhatian akan dilakukan bagi tujuan mengumpul data dan mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap subjek kajian bagi menjawab persoalan kajian. Bagaimanapun penglibatan pengkaji tidak termasuk mengubah, mempengaruhi atau memberi pendapat secara langsung dalam aktiviti membuat keputusan dalam pengurusan dan persembahan OTM, bertujuan untuk mengekalkan keaslian dapatan kajian.

Langkah ketiga pula, penyelidik melaksanakan temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur bersama responden terpilih. Sesi temubual ini akan dirakam menggunakan alat rakaman audio seterusnya semua butiran rakaman akan dicatat secara terperinci. Penyelidik juga membuat rakaman video aktiviti OTM seperti sesi perbincangan antara pemuzik dan pengurusan OTM, sesi latihan dan juga dalam persembahan yang berlangsung. Semasa kerja lapangan ini dilakukan penyelidik membuat catatan mengenai kelakuan, acara dan aktiviti yang sedang dijalankan dan juga menginterpretasi makna disebalik fenomena yang sedang berlaku.

Langkah terakhir selepas kerja lapangan etnografi selesai, penyelidik mengumpul dan menyusun data, menetapkan kategori-kategori data serta melihat tema-tema, bentuk dan idea yang muncul menggunakan kod-kod tertentu dan seterusnya menetapkan hubung-kait antara kategori-kategori yang telah ditentukan. Melalui pengkategorian data yang telah dilakukan, penyelidik membuat analisis maklumat yang diperolehi dan cuba membina teori daripada dapatan kajian tersebut. Dapatan kajian ini akan merujuk semula kepada objektif dan hipotesis kajian seterusnya perbincangan mengenai topik kajian akan dilakukan.

LATARBELAKANG OTM

Orkestra Tradisional Malaysia kini telah dilihat sebagai pemangkin revolusi muzik Malaysia di abad ke-21. Berteraskan muzik pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli serta suku kaum etnik di Sabah dan Sarawak. Gabungan pelbagai genre muzik ini diharap dapat dijadikan satu landasan kepada suatu konsep muzik baru rakyat Malaysia di masa yang mendatang. Melalui fenomenologi dan analisis teori muzik, dilihat keberkesanan orkestra ini dalam merangsang nasionalisme di antara pemuzik yang berbilang kaum. Orkestra Tradisional Malaysia telah dilancarkan secara rasminya oleh YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) pada 06 Februari 2010 bertempat di Panggung Sari Istana Budaya dengan visinya:

- i. Menghasilkan identiti kesenian muzik negara Malaysia yang unik.
- ii. Menggalakkan keharmonian di antara masyarakat berbilang kaum Malaysia melalui aktiviti muzik.
- iii. Menyuburkan semangat perpaduan di antara masyarakat berbilang bangsa Malaysia.
- iv. Menggalakkan masyarakat supaya lebih menghargai kesenian tradisional tempatan.
- v. Menaikkan imej Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sebagai pusat kebudayaan yang bersifat kebangsaan dan sentiasa peka dengan perubahan semasa.
- vi. Memartabatkan seni warisan negara di peringkat tempatan seterusnya di peringkat antarabangsa.

Inspirasi penubuhan OTM turut dipengaruhi oleh orkestra tradisional di China dan Korea Selatan. Menurut Matusky [6], di negara China pada awal dekad tahun 1930an, pelajar muzik yang mendapat pendidikan barat merasakan bahawa muzik tradisional China adalah ketinggalan zaman dan sekembalinya mereka ke China, mereka telah mula membentuk satu jenis orkestra unik yang merupakan satu sintesis antara muzik China dan muzik Barat. Pada tahun 1930an ini, bermulanya satu era orkestra moden di China. Sebagaimana orkestra klasikal, orkestra moden China ini menggunakan konduktor, skor muzik dan alat muziknya telah diperbaiki menurut prinsip "equal temperament" supaya bunyi yang dihasilkan lebih kuat, jarak suara yang lebih besar dan pemainnya boleh bermodulasi dengan lebih mudah. Bagaimanapun pencipta muzik China telah menggabungkan melodi,

skel dan tekstura heterofoni Cina dalam harmoni barat bagi mengekalkan nilai budaya Negara China. Melalui sejarah orkestra moden China ini menunjukkan bahawa idea OTM untuk menggabungkan alatan muzik tradisional di Malaysia juga tidak mustahil boleh dilakukan dengan cara melakukan kajian yang komprehensif bagi memperbaiki alat muzik tradisional yang ada.

Perbincangan mengenai fenomena penubuhan OTM juga perlu dilakukan melalui konteks sejarah muzik dalam budaya Malaysia, evolusi alat muzik dan aktiviti, yang mana menurut Nik Mustapha, [7] boleh dilihat dalam dua perspektif iaitu adaptasi dan idiosyncratic. Melalui persepektif adaptasi muzik dan alat muzik yang berasal daripada luar negara telah diadaptasi, berubah dan dikembangkan berdasarkan budaya setempat terutama dari aspek gubahan vokal, mode, teknik permainan, nama, ornament dan dekorasinya. Alat muzik dan jenis muzik yang dimainkan masih mengekalkan gaya asalnya namun terdapat perubahan elemen tertentu untuk disesuaikan dengan budaya setempat. Mengikut perspektif idiosyncratic pula, alat muzik dan muzik yang dimainkan akan mengekalkan gaya asalnya termasuk mode, construction, talaan (tuning), teknik permainan dan juga namanya. Penduduk setempat akan mengekalkan alat muzik dan muzik yang sama sebagaimana ia ditulis pada asalnya. Jika ada perubahan hanya dalam skala yang amat kecil tanpa mengubah elemen utama alat muzik tersebut.

PASCA KEMERDEKAAN, IDENTITI DAN BUDAYA NASIONAL

Selain daripada melihat dari sudut muzik, penubuhan OTM juga terkesan daripada latarbelakang identiti dan budaya masyarakat negara ini. Identiti dan budaya nasional yang majmuk di negara ini amat berkait rapat dengan sejarah pembentukan negara ini. Menurut Wan Hashim, [5] Sebelum merdeka permintaan tenaga buruh bagi industri getah dan bijih timah yang tinggi menyebabkan British membawa masuk tenaga kerja daripada China dan India. Namun tenaga kerja ini terus kekal dengan identiti dan budaya masing masing tanpa ada usaha dari kolonial untuk mengintegrasikan mereka dengan orang Melayu. Perbezaan ini turut melibatkan organisasi sosial serta budaya dan status politik. Pada waktu itu terdapat perbezaan ketara antara rakyat pribumi dan bukan warganegara kerana mereka merasakan bahawa kehadiran mereka ke Tanah Melayu hanya sementara sahaja.

Menurut [3] Selepas kemerdekaan keinginan rakyat negara ini semakin kuat untuk mempunyai satu identiti nasional. Pada waktu itu, keinginan itu juga turut membawa bersama semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu untuk mempertahankan budaya nasional. Bagaimanapun usaha pembentukan budaya nasional ini mempunyai halangan dan masalah untuk dijayakan. Masalah yang diwarisi dari zaman kolonial seperti kemasukan budaya Barat yang cuba digambarkan sebagai lebih “superior” atau lebih tinggi nilainya, kepelbagaian budaya di kalangan etnik dan kaum di negara ini yang sangat berbeza bentuknya dan juga perbezaan fahaman agama dan kepercayaan turut menjadi penghalang kepada pembentukan identiti dan budaya nasional yang ingin dicapai.

Masalah-masalah masyarakat yang muncul disebabkan oleh perbezaan ketara dari segi ekonomi, pola geografi penduduk, budaya dan agama telah membawa kepada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Selepas peristiwa ini pembentukan nasionalisme baru pasca kemerdekaan yang bukan berasaskan kaum Melayu semata mata menjadi semakin sukar. Peristiwa 13 Mei telah membawa kepada perbincangan awal mengenai identiti nasional serta nasionalisme di negara ini dan seterusnya dibahaskan dan dibincangkan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang mana Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah dibentuk dan mengemukakan 3 prinsip utama ke arah pembentukan kebudayaan kebangsaan.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DAN OTM

Menurut Wan Hashim [5] asas pemikiran pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 semasa Kongres Kebudayaan Kebangsaan banyak dipengaruhi oleh peristiwa 13 Mei 1969. Walaupun dasar ini telah mewujudkan beberapa kontroversi dan persoalan lanjutan selepas pembentukannya, namun DKK ini sangat penting bagi asas pembinaan negarabangsa. Memaksimumkan peranan DKK juga amat sukar dilaksanakan disebabkan oleh dasar ini bukanlah satu bentuk undang-undang atau peraturan yang dikuatkuasakan seperti legislatif dan eksekutif. Perlaksanaannya hanya boleh dilakukan dengan berkesan oleh kerajaan melalui dana awam dan bukannya sektor swasta.

Dengan kewujudan DKK telah menyebabkan kerajaan memberikan perhatian yang khusus dan bersungguh-sungguh bagi pembentukan budaya dan identiti nasional. Seiring dengan pembentukan DKK semasa Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 itu juga, beberapa kertas cadangan telah dikemukakan melalui beberapa sektor untuk dilaksanakan oleh

kerajaan seperti pembentukan institusi seni bagi menyemarakkan kesenian (Kompleks Budaya Negara dan Panggung Negara, Istana Budaya ketika ini), Pusat pengajaran seni (ASK dan kemudian ASWARA ketika ini), Balai Seni Lukis dan juga seterusnya pembentukan Orkestra Simfoni Kebangsaan.

DKK terdiri daripada 3 prinsip utama iaitu i) Kebudayaan Kebangsaan haruslah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, ii) Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar bolehlah diterima menjadi unsur DKK dan iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Melalui DKK, usaha membentuk jati diri dan keperibadian nasional diutamakan dalam apa juga pembentukan dan garis panduan untuk melaksanakan hal-hal yang berkaitan kebudayaan.

Berdasarkan faktor tersebut, penubuhan OTM yang dilihat sebagai satu lagi kaedah untuk pembinaan identiti nasional, negarabangsa dan Nasionalisme bentuk baharu dengan menggunakan muzik sebagai perantara. Gabungan alat muzik serta penulisan gubahan muzik yang berbagai bentuk di samping mengekalkan nilai-nilai tempatan telah dijadikan sandaran untuk mencapai matlamat tersebut selari dengan prinsip DKK.

NASIONALISME

Menurut Hashim [5] perkataan nasionalisme berasal daripada “nation” atau bangsa atau di dalam istilah Jerman iaitu *volk* yang bermaksud “rakyat” atau secara lebih tepatnya satu komuniti politik. Bagi membincangkan hal nasionalisme yang berkaitan dengan penubuhan OTM pula, penyelidik memberikan perhatian kepada tulisan [1] yang mana beliau mencadangkan bahawa konsep nasionalisme seharusnya difahami sebagai sebuah negara yang memperjelaskan kelompoknya sendiri tanpa boleh dipertikaikan oleh orang lain diluar kelompoknya. Sebelum perbincangan mengenai nasionalisme di dalam penubuhan OTM diteruskan, faktor latarbelakang dan sejarah mengenai Nasionalisme dan punca masalah integrasi nasional di Malaysia perlu dibincangkan terlebih dahulu bagi memahami mengapa idea mengenai OTM muncul dan penubuhannya dicadangkan.

Menurut Wan Hashim [5] Gerakan Nasionalisme awal di Tanah Melayu terdiri daripada kelompok tertentu yang berasaskan kaum. Nasionalisme Melayu terpengaruh dengan kebangkitan nasionalisme di Timur Tengah dan Indonesia manakala nasionalis Cina dan India terkesan daripada gerakan nasionalisme di China dan India.

NASIONALISME KAUM MELAYU

Sebelum kemerdekaan nasionalisme Melayu lebih tertumpu kepada semangat menentang kolonialisme dan penjajahan serta menjaga kepentingan bangsa. Menurut Wan Abdul Kadir [3], Masyarakat Melayu pada ketika itu merasakan bahawa mereka amat ketinggalan dan lemah dari berbagai lapangan dan bidang jika dibandingkan dengan kaum lain yang diberikan lebih banyak peluang untuk memperbaiki diri. Dasar kolonial yang tidak mementingkan integrasi, menerapkan budaya dan pendidikan barat dikalangan masyarakat Melayu telah membangkitkan semangat Nasionalisme untuk menentang kolonial. Bagaimanapun ada juga di kalangan golongan elit dan berpelajaran Melayu yang menyokong polisi kolonial atas sebab pembaharuan dan kemajuan. Kedua-dua kelompok ini bertelagah pendapat di dalam banyak hal, namun kelompok ini bersetuju dan dapat berkerjasama dalam persoalan tertentu seperti perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Pada waktu ini nasionalisme Melayu juga telah mula memberi tumpuan terhadap idea untuk kebebasan dan seterusnya untuk mencapai kemerdekaan.

NASIONALISME KAUM CINA

Menurut Wan Hashim [5], “pada tahun 1900 hingga pertengahan 1930an, sikap, kesetiaan dan gambaran situasi politik orang Cina masih terarah kepada negara China. Terutama sokongan terhadap usaha untuk menjatuhkan dinasti Manchu seterusnya yang berkaitan dengan parti Nasional Kuomintang termasuk usaha pembebasan China daripada dominasi kuasa barat dan Jepun”. Berdasarkan faktor ini bolehlah dikatakan bahawa pada sebelum kemerdekaan, semangat nasionalisme Cina belum menjurus ke arah kesetiaan kepada Tanah Melayu dan belum ada keinginan untuk berintegrasi budayanya bersama rakyat yang lain.

NASIONALISME KAUM INDIA

Menurut Wan Hashim [5] Pada awal tahun 1920an, orang India di Tanah Melayu menyokong perjuangan rakyat India untuk membebaskan negara India dari British. Gerakan ini diterajui oleh peniaga India muslim yang sering berulang-alik dari India ke Tanah Melayu yang mengetahui perkembangan terkini hal politik di India. Di bawah kepimpinan Mahatma Gandhi, di India orang Islam dan Hindu berjaya bergabung dan bersatu untuk menentang penjajahan British.

Menurut Wan Hashim [5] juga, selepas tercetusnya rusuhan kaum antara Hindu dan Muslim di India pada tahun 1923, minat orang India muslim terhadap gerakan nasionalisme India mula berkurangan. Sejak itu, orang India mula memberi tumpuan terhadap hal ehwal tempatan terutamanya kebajikan kelompok mereka. Golongan orang India yang berpelajaran telah mula menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap keadaan buruh tidak mahir India di Tanah Melayu. Sehingga pada tahun 1936, golongan ini telah menubuhkan Pertubuhan India Malaya Pusat (Central Indian Association of Malaya) yang bertujuan untuk menjaga hal ehwal ekonomi dan kebajikan orang India di Tanah Melayu.

MASALAH HUBUNGAN KAUM DI MALAYSIA

Berdasarkan faktor latarbelakang dan sejarah nasionalisme 3 kaum utama di Malaysia, boleh dikatakan bahawa sejak awal lagi terdapat kesukaran untuk membentuk satu integrasi nasional dikalangan kaum utama di Malaysia. Tidak akan ada persefahaman di dalam mendefinisikan kebudayaan kebangsaan Malaysia [5] Yang mana perbezaan luas dari segi budaya dan agama telah menjadi penghalang utama kepada apa juga bentuk usaha ke arah hubungan antara kaum yang lebih harmoni dan bebas konflik. Sudah tentu orang Melayu mahu mengekalkan paksi kebudayaan kebangsaan hanya berteraskan kebudayaan Melayu manakala orang bukan Melayu mahukan supaya kebudayaan kebangsaan turut dijadikan komponen di dalam kebudayaan kebangsaan.

Ketiga-tiga kaum utama di Malaysia ini juga mewarisi budaya dari 3 tamadun besar Asia iaitu tamadun China, tamadun India dan tamadun Melayu [5] yang mana pertembungan ini menyebabkan amat sukar untuk mencari jalan tengah bagi mengelakkan sebarang konflik. Kemuncak kepada masalah perbezaan ini adalah peristiwa 13 Mei 1969 yang mana rusuhan antara kaum menjadi tidak terkawal sehingga perintah darurat telah di laksanakan. Pasca 13 Mei telah membawa kepada perbincangan di kalangan budayawan untuk mencari jalan supaya peristiwa tersebut tidak berulang lagi. Sehingga kongres kebudayaan kebangsaan dianjurkan pada tahun 1971 yang mana beberapa kertas kerja telah dibentangkan bagi membincangkan kaedah untuk menggalakkan integrasi nasional melalui aktiviti budaya dan kesenian. Melalui kongres ini juga dasar kebudayaan kebangsaan telah di rumuskan.

INTEGRASI NASIONAL

Menurut Wan Hashim [5], integrasi nasional boleh diperolehi berbagai cara dan formula

penyelesaian bagi integrasi nasional yang diterapkan oleh Malaysia ketika ini adalah di antara dua jajaran iaitu pluralisme (kemajmukan) dan asimilasi separa (partial assimilation). Proses ini membawa ke arah asimilasi secara alamiah yang dibenarkan (permitted assimilation). Malaysia tidak mengamalkan konsep asimilasi paksaan (forced assimilation) seperti yang dilakukan di Indonesia dan Thailand. Integrasi nasional melalui aktiviti seni terutamanya muzik boleh dilihat semasa era kegemilangan perfileman Melayu di jalan Ampas, Singapura dan juga di Orkestra RTM. Pada waktu itu pemuzik, penggubah, pengarah, pelakon dan pengurusan terdiri daripada berbagai latarbelakang dan keturunan yang berkerjasama untuk menghasilkan karya kreatif filem dan muzik.

POLISI KERAJAAN YANG MENGGALAKKAN INTEGRASI NASIONAL

Usaha untuk menggalakkan integrasi nasional boleh juga dilihat melalui polisi yang di laksanakan oleh kerajaan. Tun Mahathir [4] telah memperkenalkan istilah “Bangsa Malaysia” selari dengan konsep Wawasan 2020. Yang mana Tun Mahathir telah menyenaraikan hala tuju Negara yang bukan sahaja cemerlang dari segi ekonomi, politik, social, spiritual, psikologi, dan budaya. Malaysia perlu membangun sepenuhnya secara menyeluruh termasuk perpaduan nasional dan keadilan sosial. Malaysia perlu menjadi Negara yang aman makmur atas usaha sendiri, berintegrasi sepenuhnya dari segi etnik dan lokasi, hidup dalam harmoni dengan keadilan perkongsian bersama dalam satu “Bangsa Malaysia” bersama kesetiaan kepada Negara.

Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ Seri Najib Tun Razak juga merupakan salah satu usaha kearah integrasi tersebut. Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan merupakan satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Polisi ini bukan satu dasar baru yang berlainan dari dasar-dasar kerajaan sebelum itu, malahan menjadi pelengkap kepada amalan sedia ada untuk pengukuhan perpaduan bagi menjamin kestabilan, menuju ke arah kemajuan dan pembangunan yang lebih pesat negara Malaysia. Polisi yang dilancarkan pada 2008 ini turut mempengaruhi usaha kearah penubuhan OTM pada waktu itu apabila teras polisi ini yang menekankan perpaduan sebagai perkara utama.

LAGU-LAGU BERUNSUR NASIONALISME MALAYSIA

Popularnya industri perfileman Melayu melalui studio Jalan Ampas dan seterusnya kewujudan Orkes Radio Malaya pada 1961 telah mula menyemarakkan penciptaan lagu dan gubahan muzik yang berbentuk Nasionalisme. Antara pencipta lagu yang mula mempopularkan lagu sebegini ialah Jimmy Boyle/Dol Baharim (Kemegahan negaraku), pahlawanku (Yusof B), Malaysia Baru (Kassim Mascor/Omar Rojik), Bahtera Merdeka (Kassim Masdor/S.Sudarmaji) dan Tanah Pusaka (Ahmad Merican). Sehingga kini banyak lagi lagu-lagu bersifat menyayangi negara Malaysia telah dicipta oleh banyak lagi pencipta lagu. Era tahun 70an hingga 90an melalui industri hiburan dan media elektronik seperti RTM banyak menayangkan lagu-lagu seperti warisan dan 31 Ogos (Sudirman), Setia, Jalur Gemilang, keranamu Malaysia, Berjaya, Putra Putri, Pahlawanku, Nyalakan Tekad dan cemerlang gemilang terbilang. Penggunaan lagu-lagu untuk mempromosikan nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia diteruskan hingga kini seperti penciptaan lagu standing in the eyes of the world (Ella), gemilang (Jaclyn Victor) dan gemuruh (Faizal Tahir).

LAGU DAN GUBAHAN MUZIK OTM SEMASA PELANCARAN

Pelancaran OTM telah disempurnakan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan iaitu YB Tan Sri Dr. Rais Yatim pada 6 Febuari 2010 di Panggung Sari Istana Budaya yang mana pada waktu lagu-lagu yang dipilih cuba untuk memaparkan kebolehan pelbagai OTM untuk memainkan apa juga jenis lagu dengan gubahan muzik yang unik. Antara lagu yang dipilih untuk dipersembahkan di dalam konsert ini ialah:

Seri Mersing
Pattu Paddava - MK
Satu Malaysia - semua artis
Puteri santubong / sayang kinabalu - Leslie (sape solo)
Medley Phantom of the Opera - Asmidar dan Bahizal
Yue Liang Tai - Suki
Medley Asean - Instrumental OTM
Gadis Melayu - Jamal Abdillah
Corazon espinaco – Iqwal

Berdasarkan pemilihan lagu semasa konsert pelancaran ini, boleh dilihat bahawa OTM juga turut menyelitkan lagu-lagu yang bersifat sayangkan tanahair seperti Seri Mersing, Puteri Santubong, Sayang Kinabalu dan juga 1Malaysia. Lirik lagu-lagu ini yang bersifat memuji keindahan budaya setempat

juga menunjukkan bahawa semasa pelancaran OTM, faktor sayangkan negara juga amat penting di dalam penubuhan Orkestra ini. Tambahan pula setiap lagu ini telah digubah muziknya dengan menggunakan pelbagai alat muzik berbilang bangsa di Malaysia untuk menunjukkan bahawa melalui muzik objektif untuk membangkitkan semangat nasionalisme dan sayangkan negara boleh dicapai.

KESIMPULAN

Melalui hasil kajian ini, satu cadangan untuk menstruktur semula susunan alat muzik dalam OTM dan cara/teknik/teori gubahan muzik bakal dikemukakan bagi membantu karyawan untuk menghasilkan karya berkualiti yang turut memaparkan elemen nasionalisme yang boleh dicapai melalui OTM.

RUJUKAN

- [1] Benedict Anderson Revised ed (2016). *Imagined Communities : Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London, United Kingdom.
- [2] Hobswam and Ranger (1983). *The Invention Of Tradition*. New York: Cambridge Univerity Press.
- [3] Kadir, W. A. (1993). *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise.
- [4] Mohd Ghouse (1991). *Muzik Melayu Tradisi*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [5] Hashim, W. (2014). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- [6] Patricia Matusky, T. S. (2012). *Muzik Malaysia Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [7] Salleh, N. M. (1998). *When examining the historical events of Malaysian culture, the evolution of musical edited by Mohd Ghazali Abdullah*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan pelancongan Malaysia.